



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN ANCAMAN  
JENAYAH SIBER TERHADAP KESELAMATAN  
PERIBADI MAHASISWA UNIVERSITI  
AWAM DI LEMBAH KLANG**

**MUHAMMAD ADIL FIKRI BIN MOHD HAMIZI**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN ANCAMAN JENAYAH SIBER  
TERHADAP KESELAMATAN PERIBADI MAHASISWA  
UNIVERSITI AWAM DI LEMBAH KLANG**

**MUHAMMAD ADIL FIKRI BIN MOHD HAMIZI**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada .....6...(hari bulan).....MEI..... (bulan) 2025

**i. Perakuan pelajar :**

Saya **MUHAMMAD ADIL FIKRI BIN MOHD HAMIZI, M20221002034, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN ANCAMAN JENAYAH SIBER TERHADAP KESELAMATAN PERIBADI MAHASISWA UNIVERSITI AWAM DI LEMBAH KLANG** kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR. INTAN SURIA BINTI HAMZAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN ANCAMAN JENAYAH SIBER TERHADAP KESELAMATAN PERIBADI MAHASISWA UNIVERSITI AWAM DI LEMBAH KLANG

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MALAYSIA.

22 MEI 2025

Tarikh

**DR. INTAN SURIA HAMZAH**  
Penyelia: Kemanusiaan  
Institut Pengajian Malaysia  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN ANCAMAN JENAYAH SIBER  
TERHADAP KESELAMATAN PERIBADI MAHASISWA UNIVERSITI  
AWAM DI LEMBAH KLANG

No. Matrik /Matric's No.: M20221002034

Saya / I: MUHAMMAD ADIL FIKRI BIN MOHD HAMIZI

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah /Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 23 MEI 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*



## PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrahim. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan limpah kurnianya yang telah memberikan saya kesihatan yang baik, semangat dan kesabaran untuk saya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Ucapan jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya iaitu Mohd Hamizi Bin Satiman dan Zalinah Binti Md Sarif atas sokongan, nasihat, dorongan dan kata-kata semangat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan kajian ini. Tanpa sokongan, nasihat dan bantuan daripada mereka berdua, saya mungkin tidak akan mampu menjalankan kajian ini. Seterusnya, dengan hati yang tulus ikhlas, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah penyelia saya, Dr. Intan Suria binti Hamzah atas segala bimbingan, sokongan dorongan dan tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tanpa bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan daripada beliau saya mungkin kekurangan ilmu dan tidak dapat menjalankan kajian ini dan melengkapkan kajian ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak kepada semua informan Temu bual Kumpulan Fokus iaitu mahasiswa dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Universiti Teknologi Mara, Shah Alam serta informan Elit dari UPSI, UiTM Seremban dan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) diatas kerjasama memberikan maklumat-maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Segala maklumat yang diberikan sangat membantu saya dalam melengkapkan kajian ini. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada panel penilai iaitu pensyarah-pensyarah Jabatan Pengajian Malaysia yang banyak memberi tunjuk ajar dalam memperbaiki penulisan kajian, Fakulti Sains Kemanusiaan dan pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang pengajian saya di sini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya untuk menjalankan kajian ini. Segala kesilapan atau kekurangan tesis adalah kelemahan saya sendiri.





## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincang faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa universiti awam menggunakan media sosial, mengenalpasti bentuk-bentuk ancaman jenayah siber yang dialami oleh mahasiswa universiti dan menganalisis langkah-langkah yang boleh diambil oleh mahasiswa untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa ancaman jenayah siber. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual 30 orang Mahasiswa melalui perbincangan kumpulan fokus dari lima buah Universiti Awam terpilih dan informan elit yang terdiri daripada dua orang ahli akademik dan dua orang pegawai PDRM. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor penggunaan media sosial oleh mahasiswa adalah untuk mencari hiburan, berkomunikasi, mencari dan berkongsi maklumat, mengikuti isu semasa, menjana pendapatan dan membeli barangan atas talian. Antara bentuk-bentuk ancaman jenayah siber yang dialami oleh mahasiswa adalah melalui panggilan telefon, penghantaran mesej, penggodaman akaun media sosial, komen lucah, penawaran pekerjaan dan penipuan *parcel*. Antara langkah-langkah yang boleh digunakan oleh mahasiswa untuk mengelakkan diri daripada ancaman jenayah siber adalah tidak menekan pautan mencurigakan, tidak memberi butiran peribadi dalam media sosial, tidak memberi maklumat peribadi, tidak menerima sebarang tawaran yang mencurigakan, tidak terlalu obsess berkongsi aktiviti harian di media sosial, menyekat akaun penjenayah dan membuat laporan polis. Sehubungan dengan itu, mahasiswa tidak terkecuali menerima ancaman siber apabila menggunakan media sosial. Kajian ini dapat memberi pendedahan berkenaan penjagaan sendiri terhadap maklumat peribadi mahasiswa, memberi pendedahan kepada masyarakat tentang bentuk dan cara ancaman siber yang boleh berlaku serta langkah pencegahan terhadap ancaman siber.





## **THE USE OF SOCIAL MEDIA AND THE THREAT OF CYBER CRIME AGAINST THE PERSONAL SAFETY OF PUBLIC UNIVERSITY STUDENTS IN THE KLANG VALLEY**

### **ABSTRACT**

This study aims to discuss the factors that influence public university students using social media, identify the forms of cybercrime threats experienced by university students and analyze the steps that students can take to avoid becoming victims of cybercrime threats. This study uses a qualitative method by interviewing 30 students through focus group discussions from five selected Public Universities and elite informants consisting of two academics and two PDRM officers. The results of the study show that the factors of social media use by students are to find entertainment, communicate, find and share information, follow current issues, generate income and buy goods online. Among the forms of cybercrime threats experienced by students are through phone calls, sending messages, hacking social media accounts, obscene comments, job offers and parcel fraud. Among the measures that students can use to avoid the threat of cybercrime are not clicking on suspicious links, not giving personal details on social media, not giving personal information, not accepting any suspicious offers, not being too obsessed with sharing daily activities on social media, blocking criminal accounts and making a police report. In relation to that, students are not exempted from receiving cyber threats when using social media. This study can provide exposure regarding self-care of students personal information, provide exposure to the public about the forms and methods of potential cyber threats, as well as preventive measures against cyber threats.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

**PERAKUAN KEASLIA PENULISAN** ii

**PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI** iii

**PENGHARGAAN** iv

**ABSTRAK** v

**ABSTRACT** vi

**KANDUNGAN** vii

**SENARAI JADUAL** xiv

**SENARAI RAJAH** xv

**SENARAI SINGKATAN** xvi

**SENARAI LAMPIRAN** xviii

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Skop Kajian	20
1.8 Batasan Kajian	22
1.9 Definisi Operasional	24
1.9.1 Ancaman	24
1.9.2 Keselamatan Peribadi	25
1.9.3 Media Sosial	26
1.9.4 Mahasiswa Universiti	29
1.9.5 Jenayah Siber	30
1.10 Organisasi Bab	31

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	34
2.2 Teori dan Konsep	35
2.2.1 Teori Kebergantungan Media	35
2.2.2 Konsep Keselamatan Insan	38

2.2.3 Konsep Keselamatan Siber	40
2.3 Kajian Literatur	41
2.3.1 Penggunaan Media Sosial dalam Kalangan Masyarakat Masa Kini	42
2.3.2 Ancama Jenayah Siber dalam Masyarakat	47
2.3.3 Penguatkuasaan Perundangan Komunikasi dan Multimedia	53
2.4 Rumusan	56

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	58
3.2 Reka Bentuk Kajian	59
3.3 Populasi dan Sampel	60
3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan	63
3.4.1 Pembinaan Instrumen, Kesahan dan Kebolehpercayaan	65
3.4.1.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	66
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	69
3.5.1 Data Primer	71
3.5.1.1 Temu bual	71

3.5.1.1.1	Temu bual elit	73
3.5.1.1.2	Perbincangan Fokus	Kumpulan 74
3.5.2	Data Sekunder	82
3.5.2.1	Kajian Kepustakaan	83
3.5.2.2	Pengumpulan Data Atas Talian	83
3.6	Kaedah Analisis Data	84
3.6.1	Analisis Tematik	85
3.7	Rumusan	90

**BAB 4 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI MAHASISWA  
UNIVERSITI AWAM MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL  
DAN ANCAMAN JENAYAH SIBER**

4.1	Pengenalan	91
4.2	Demografi Responden	92
4.3	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Mahasiswa Universiti Awam Menggunakan Media Sosial	93
4.3.1	Aplikasi Media Sosial	94
4.3.2	Tempoh Masa Penggunaan Media Sosial	98
4.3.3	Faktor-faktor Penggunaan Media Sosial MahasiswaUniversiti Awam	100

4.3.4 Ancaman Jenayah Siber Terhadap Mahasiswa	113
4.3.5 Langkah-langkah Mengatasi Ancaman Jenayah Siber oleh Mahasiswa	124
4.3.5.1 Langkah-langkah Ketika Berhadapan dengan Ancaman Jenayah Siber	125
4.3.5.2 Langkah-langkah Mengelakkan Diri daripada Menerima Ancaman Jenayah Siber	126
4.4 Rumusan	131

## **BAB 5 BENTUK-BENTUK ANCAMAN DAN LANGKAH-LANGKAH MENGATASI ANCAMAN JENAYAH SIBER**

5.1 Pengenalan	133
----------------	-----

5.2 Ancaman dan Jenayah Siber	134
-------------------------------	-----

5.2.1 Punca berlaku Ancaman Siber	134
-----------------------------------	-----

5.2.1.1 Perkembangan Teknologi Maklumat dan Penggunaan Internet Tanpa Kawalan	135
---	-----

5.2.1.2 Kesedaran Mahasiswa dalam Menggunakan Media Sosial	139
--	-----

5.2.2 Bentuk-bentuk Ancaman Jenayah Siber	144
---	-----

5.2.3 Langkah-langkah Mengatasi Ancaman Jenayah Siber	152
---	-----

5.2.3.1 Saranan Ahli Akademik	152
-------------------------------	-----

5.2.3.2 Saranan Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM)	156
5.3 Tindakan Pencegahan	160
5.3.1 Kerjasama Pihak Kerajaan	160
5.3.2 Akta Perundangan	163
5.4 Rumusan	166
<b>BAB 6 RUMUSAN, IMPLIKASI CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
6.1 Pengenalan	167
6.2 Rumusan Kajian	168
6.3 Implikasi Kajian	171
6.4 Cadangan Kajian Lanjutan	173
6.5 Kesimpulan	175
<b>RUJUKAN</b>	176
<b>LAMPIRAN</b>	185

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.4.1	Senarai Pakar Penilai	68
3.5.1 (1)	Perincian Keseluruhan Bilangan Informan	76
3.5.1 (2)	Maklumat Kajian Lapangan	77
4.2 (1)	Demografi Jantina Informan	92
4.2 (2)	Demografi Umur Informan	93
5.2.1	Punca Berlaku Ancaman Jenayah Siber	141

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.2	Statistik Penggunaan Media Sosial 2020	5
1.3 (1)	Statistik Faktor Penggunaan Media Sosial 2023	11
1.3 (2)	Jenis Aduan Media Baharu	12
1.7	Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Isi Rumah dan Individu 2021	22
3.6.1 (1)	Langkah Analisis Tematik	86
3.6.1 (2)	Proses Penggunaan Analisis Tematik	88
4.3.2	Aplikasi Media Sosial Kegemaran Mahasiswa	95
4.3.3	Faktor-faktor Penggunaan Media Sosial Mahasiswa	108
4.3.4	Ancaman Jenayah Siber Terhadap Mahasiswa	123
4.3.5	Amalan Terbaik Elak Ancaman Siber	130
5.2.2	Bentuk-bentuk Ancaman Jenayah Siber	151

## SENARAI SINGKATAN

DKDN	Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Negara
DKDA	Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
HSC	<i>Human Security Comission</i>
ICT	Information and Communication Technology
IPGKIK	Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KKD	Kementerian Komunikasi dan Digital
MKN	Majlis Keselamatan Negara
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
UM	Universiti Malaya
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNDP	<i>United Nations Development Report</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan-soalan Temu Bual Asal
- B Penilaian dan Semakan Pakar-pakar Rujuk
- C Gambar Ujian Kesahan Muka & Temu Bual
- D Peta 5 Universiti
- E Laporan/Data/Maklumat PDRM atau SKMM
- F Tindakan/Pencegahan/Kempen Kesedaran Agensi-agensi Kerajaan
- G Soalan-Soalan Sebanar Temu Bual
- H Surat-surat Berkaitan Penyelidikan
- I Laporan Bank Negara Malaysia



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Kajian yang dijalankan adalah bertajuk “Penggunaan Media Sosial dan Ancaman Jenayah Siber Terhadap Keselamatan Peribadi Mahasiswa Universiti Awam”. Media sosial merupakan salah satu bentuk teknologi yang digunakan oleh masyarakat moden. Media sosial menjadi salah satu perkara penting dalam kehidupan seharian masyarakat bagi memudahkan mereka untuk berkomunikasi dan memudahkan segala urusan sama ada urusan peribadi mahupun pekerjaan. Golongan pengguna media sosial secara umumnya terdiri dalam kalangan golongan muda iaitu pelajar sekolah dan juga mahasiswa universiti. Hal ini kerana media sosial telah menjadi satu medium keperluan utama kepada pelajar atau mahasiswa untuk mengakses segala maklumat bagi tujuan pembelajaran mereka.





Jaringan internet yang semakin meluas dan tanpa sempadan menjadikan penggunaan media sosial semakin meningkat saban hari menyebabkan ia bertukar daripada kehendak pada asalnya kepada keperluan harian. Walaubagaimanapun, penggunaan media sosial ini juga boleh mendatangkan bahaya jika disalah guna atau menggunakan secara berlebihan sehingga mengabaikan tugas dan tanggungjawab hakiki seperti ketagihan untuk sentiasa melihat dan berinteraksi di media sosial. Oleh hal yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada ancaman yang boleh dihadapi oleh pengguna media sosial terutamanya dalam kalangan Mahasiswa Universiti Awam di Malaysia.

## 1.2 Latar Belakang Kajian



Media sosial merupakan salah satu media siber yang sering digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia. Kewujudan media sosial adalah disebabkan berlakunya perkembangan dalam teknologi terutamanya dalam dunia siber. Media sosial ini juga boleh dikategorikan sebagai ‘Media Baru’. ‘Media Baru’ ialah media interaktif atau multimedia yang tidak menghadapi apa juga sekatan ke atas transmisi melampaui jarak dan waktu (Noor Bathi, 2002). Tambahan pula, ia juga melibatkan penglibatan komunikasi pengguna yang lebih aktif daripada media lama seperti radio dan televisyen. Selain itu, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi atau *Information and Communication Technology* (ICT) telah membuka lembaran baharu dalam kehidupan manusia, dimana kemajuan ini dapat menghubungkan masyarakat seluruh dunia tanpa sempadan (Syed Mohammad et al., 2022).





Media sosial pada asalnya dikenali sebagai *SixDegree.com*. Media ini juga dikenali sebagai media sosial pertama pada tahun 1977 yang mempunyai ciri-ciri seperti profil, sahabat, dan mesej. Kemudian, media sosial berkembang kepada laman jaringan perniagaan seperti *Ryze.Com* dan *LinkedIn.com* sebelum munculnya media sosial seperti *Friendsters*, *Myspace*, *Facebook*, *Youtube* dan lain-lain pada tahun 2008 (Zakiah & Dalbir, 2018). Selain itu, era moden globalisasi yang muncul setelah era pasca Perang Dingin memperlihatkan ciri-ciri pengaliran bebas merentasi sempadan sama ada manusia, maklumat, idea, barangan dan sumber dana (Nur Sarida & Ahmad Rizal, 2022).

Kewujudan laman sosial ini berkembang pesat dengan mempunyai ciri-ciri seperti blog, perkongsian gambar, dan perkongsian video. Selain itu, kewujudan media sosial baharu membolehkan masyarakat membina perhubungan, berkongsi maklumat dan jaringan sosial. Jaringan sosial ini juga wujud daripada keupayaan pengguna mewakili diri dan minat mereka dalam platform sosial dan menggiatkan aktiviti dengan pihak lain dalam saluran media sosial (Siti Ezaleila & Azizah, 2010). Kewujudan pelbagai media sosial telah menyebabkan masyarakat boleh memilih untuk menggunakan mana-mana aplikasi sedia ada dan boleh menggunakan lebih daripada satu media sosial bergantung kepada keperluan mereka sama ada untuk tujuan komunikasi, pembentukan identiti, mahupun sosial. Natijahnya, jaringan sosial menjadi semakin popular di seluruh dunia sebagai tempat untuk masyarakat berkomunikasi atau bersosial walaupun tidak bertemu secara bersemuka atau fizikal.






Di Malaysia, penggunaan media sosial bukan sesuatu yang baharu. Ini kerana pada tahun 2009, Malaysia pernah tergolong dalam 10 negara tertinggi pengguna media sosial teramai di Asia Tenggara dengan bilangan penggunannya adalah seramai 16.9 juta. Bilangan pengguna media sosial terus meningkat saban tahun. Namun begitu, kedudukan ini mula berubah pada tahun 2017 dengan peningkatan ketara kepada 25.08 juta pengguna bersamaan 79 % penduduk Malaysia. Peningkatan ini menjadikan Malaysia sebagai negara kesembilan dunia paling aktif di laman sosial (Awani Online, 2018). Kedudukan Malaysia sebagai pengguna aktif media sosial terus meningkat setiap tahun. Manakala pada tahun 2022, Malaysia berada di tempat kedua negara yang paling banyak menggunakan platform media sosial di dunia (Kosmo Online, 2023). Keadaan ini juga disumbangkan oleh pengguna media sosial itu sendiri seperti melalui blog, jaringan sosial, laman perkongsian video atau foto menjadi semakin bertambah yang dianggarkan lebih kurang 1,456 juta pengguna aktif untuk jaringan sosial dalam talian.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) 2020 pada Rajah 1, penggunaan internet adalah sebanyak 88.7% iaitu meningkat 1.3% daripada 87.4% pada tahun 2018. Sehubungan itu, kegunaan internet bagi tujuan penggunaan media sosial lebih tinggi berbanding perkara lain seperti menonton video dan mencari maklumat. Sebanyak 93.3% masyarakat di Malaysia menggunakan internet untuk membuka media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Manakala statistik pada tahun 2020 menunjukkan *Facebook* dan *Whatsapp* adalah aplikasi media sosial yang paling tinggi iaitu 91.7% dan 98.7% pengguna.



## Rajah 1.2

### Statistik Penggunaan Media Sosial 2020



Sumber: Laporan Tahunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (2020)

Berdasarkan data yang dilaporkan oleh *DateReportal: Global Digital Insight*

2022, penggunaan media sosial di Malaysia setakat Januari 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 2.3 juta berbanding tahun sebelum iaitu bersamaan 91.7% daripada jumlah penduduk. Perkara ini memberi gambaran bahawa penggunaan internet di Malaysia turut terpengaruh akibat peningkatan penggunaan media sosial di seluruh dunia.

Seterusnya, setakat Januari 2023, aplikasi media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Instagram*, *Telegram* dan *TikTok* merupakan aplikasi yang paling banyak digunakan oleh masyarakat di Malaysia (*DateReportal: Global Digital Insight*, 2023). *Whatsapp* merupakan platform media sosial tertinggi digunakan oleh masyarakat iaitu sebanyak 89.3% kerana kemudahan yang tersedia di dalamnya menarik minat pengguna pada semua peringkat umur serta diikuti *Facebook* sebanyak 84.8% dan *Instagram* 74.3% jumlah pengguna. Tambahan pula, aplikasi baru seperti *TikTok*



semakin meningkat penggunaannya dan meletakkan platform tersebut antara lima media sosial yang paling banyak digunakan. Aplikasi seperti *TikTok* ini semakin meningkat dalam kalangan belia yang mencari hiburan.

Selaras dengan perkembangan dan populariti aplikasi media sosial seperti *Whatsapp, Facebook, Twitter, Telegram, TikTok* dan sebagainya telah menyebabkan jaringan sosial tempatan dibangunkan sesuai dengan kandungan dan pengguna di Malaysia. Hasil daripada usaha tersebut telah munculnya laman jaringan sosial yang berfungsi sebagai jaringan sosial global, pertemuan rakan sosial yang baharu, berkongsi maklumat dan idea untuk tujuan peribadi serta sebagai jaringan perniagaan. Tambahan pula, penggunaan media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Telegram dan TikTok* menjadikan ia sebagai cara untuk mengarkib, menambah, memberi komentar dan mengedarkan semula kandungan media yang sebenarnya diperoleh daripada pelbagai sumber.

Di samping itu, berikutan perkembangan platform media sosial terkini seperti *Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, TikTok* dan sebagainya menunjukkan trend penggunaan media sosial di Malaysia semakin meningkat. Masyarakat Malaysia menghabiskan masa 2 jam 47 minit sehari bersamaan 20 jam seminggu untuk melayari media sosial. Berikutan perkembangan tersebut, Malaysia berada di tempat kedua bagi negara yang paling banyak menggunakan platform media sosial di dunia dan berkongsi kedudukan di samping rakan serantau Filipina dengan mencatatkan skor 8.75 daripada 10 (Kosmo Online, 2023).





Sungguhpun begitu, kewujudan dan perkembangan media sosial di Malaysia sememangnya memberi impak kepada pengguna maya kerana perkembangan teknologi maklumat masa kini meletakkan setiap pengguna media sosial berada di dalam dunia tanpa sempadan. Tambahan pula, perkembangan dunia media sosial pada masa kini telah menyebabkan fungsi asal media sosial mencapah dan berkembang ke arah fungsi-fungsi yang baharu dan bersifat lebih pelbagai (Nurul Madiha & Mohd Azul, 2015). Menurut Syed Mohammad et al. (2022) kemajuan teknologi khususnya kelahiran internet dan media sosial membawa banyak perubahan sosial kerana pelbagai informasi dan maklumat dapat disalurkan. Perkembangan media sosial yang semakin pesat di Malaysia menyebabkan penggunaannya semakin menyeluruh. Hal ini kerana penggunaan media sosial tidak hanya tertumpu kepada kementerian, agensi kerajaan, swasta, organisasi, malahan ianya turut digunakan dalam kalangan masyarakat tidak mengira usia sama ada golongan muda atau yang berumur. Setiap peringkat umur pasti akan menggunakan media sosial bergantung kepada keperluan mereka sama ada untuk tujuan komunikasi, pembentukan identiti, mahupun sosial.

Salah satu impak perkembangan media sosial adalah ancaman terhadap keselamatan peribadi pengguna. Penggunaan media sosial boleh mengundang kepada kes jenayah siber yang boleh mengancam keselamatan peribadi antaranya buli siber, intipan siber, penipuan siber atau “scammer” dan kecurian identiti. Menurut Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Senior Asisten Komisioner iaitu Victor Sanjos, *trend* jenayah siber dari tahun 2016 hingga Julai 2022 menunjukkan peningkatan daripada 39 peratus kepada 61 peratus (Harian Metro Online, 2022). Selain itu, terdapat juga jenis penipuan dalam talian seperti *Macau scam*, jenayah e-dagang, pinjaman tidak wujud, pelaburan tidak





wujud, *scam* atau *love scam* serta memancing data (*pishing*) iaitu merupakan cubaan untuk mencuri wang atau identiti pengguna media sosial dengan meminta pengguna mendedahkan maklumat peribadi seperti nombor kad kredit, maklumat bank atau kata laluan akaun bank. Perkara ini menunjukkan bahawa trend penggunaan media sosial seiring dengan peningkatan jenayah tanpa sempadan. Semakin berkembang penggunaan media sosial, semakin tinggi kadar jenayah yang boleh mengancam keselamatan peribadi pengguna.

Disamping itu, peningkatan jenayah siber kini berada dalam keadaan membimbangkan oleh kerana kekerapan penggunaan internet terutama untuk membuka media sosial yang semakin meningkat dan kebergantungan masyarakat terhadapnya sehingga mengakibatkan mereka terdedah kepada ancaman siber. Penggodaman komputer, kecurian kata laluan untuk perbankan internet, penyalahgunaan kad kredit untuk pembelian atas talian menyebabkan jenayah era baharu ini menjadi mudah untuk berlaku. Tambahan pula, kebebasan dunia siber yang tidak terhad kepada tempoh masa dan batasan sempadan ini secara tidak langsung boleh menyebabkan keruntuhan nilai moral, keganasan dan peningkatan risiko keselamatan dalam kehidupan seharian.

Golongan muda merupakan kumpulan masyarakat yang mencatatkan penggunaan media sosial tertinggi. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh SKMM 2020 menunjukkan bahawa kelompok terbesar pengguna media sosial adalah dalam kalangan remaja dan belia yang berumur antara 15-35 tahun iaitu sebanyak 76.4% daripada jumlah keseluruhan masyarakat di Malaysia. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan bahawa golongan ini lebih mudah terdedah kepada ancaman jenayah-jenayah siber tersebut. Kajian ini menggunakan golongan muda dalam kalangan Mahasiswa





Universiti Awam di Malaysia sebagai informan bagi mendapatkan maklumat berkaitan ancaman siber terhadap keselamatan peribadi melalui penggunaan media sosial.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Melayari laman media sosial merupakan aktiviti yang kerap dilakukan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian. Antara laman media sosial yang sangat popular digunakan adalah *Facebook*, *Youtube*, *Whatsapp*, *TikTok* dan *Instagram*. Kewujudan laman sosial yang bersifat tanpa batasan sempadan ini turut sama mengundang peningkatan jenayah siber. Zakiah & Dalbir (2018) menyatakan bahawa penggunaan media sosial telah melonjak naik dalam kalangan penduduk negara Malaysia sejak perkembangan ICT dan aplikasi terkini. Menurut Norazlah & Normaliza (2017) aplikasi media sosial *Instagram* berada di tempat kelima dalam kalangan sepuluh senarai rangkaian media sosial yang aktif digunakan oleh masyarakat sejak dilancarkan pada bulan Oktober 2010 iaitu dengan anggaran sekitar 400 juta pengguna setiap bulan, 75 juta pengguna setiap hari dan 40 bilion yang berkongsi gambar serta 3.5 bilion yang menekan tanda “like” setiap hari. Media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* digunakan untuk medium berkomunikasi dalam masyarakat, bersosial serta sebagai sumber maklumat kepada pengguna (Quan-Haese & Young, 2010; Ezumah, 2013; Basilisco & Jin, 2015 serta Intan Suria, 2021).





Selain *Whatsapp*, *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*, menjelang tahun 2020, terdapat media sosial baharu yang dikenali sebagai *TikTok*. Ia berasal daripada China yang kian berkembang pesat penggunaannya dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan menjadi popular pada tahun 2021 sebagai medium komunikasi secara dalam talian yang baru. *TikTok* adalah aplikasi paling pesat berkembang pada masa kini, ia juga telah berjaya menarik pengguna dalam jumlah yang besar iaitu sebanyak 1.5 bilion pengguna aktif. Kebanyakan pengguna aplikasi ini adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak dan remaja (Faradillah, Nur Aisyah & Siti Syafurah, 2023).

Sejak negara dilanda wabak penyakit Covid-19 pada tahun 2020, penggunaan media sosial dilihat semakin meningkat. Media sosial yang dimaksudkan adalah *Facebook*, *Instagram*, *TikTok*, *Twitter* *Telegram* dan lain-lain. Hal ini demikian kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika negara dilanda wabak tersebut menyebabkan masyarakat hanya duduk di dalam rumah. Berikutan perkara tersebut, ianya membawa kepada amalan baharu secara atas talian dalam kehidupan seharian masyarakat termasuk urusan pekerjaan, peribadi, komunikasi dan aktiviti harian mereka.

Selain itu, antara kandungan maya yang sering diakses oleh masyarakat semasa pandemik adalah saluran hiburan untuk menghiburkan diri dan mendapatkan informasi terkini berkenaan Covid-19 (Shaharudin, Halmatin & Zul, 2020). Oleh hal demikian, ianya sudah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat untuk sentiasa menggunakan media sosial walaupun dalam era pasca Covid-19. Sehingga tahun 2023, masa yang telah dihabiskan oleh pengguna di dalam platform sosial meningkat kepada lebih dua setengah jam sehari iaitu 40 minit lebih lama berbanding masa yang dihabiskan untuk




menonton siaran televisyen atau saluran melalui kabel internet (Berita Harian Online, 2023).

Sehubungan itu, antara faktor pendorong penggunaan media sosial dalam kalangan belia berumur 19-35 tahun adalah penggunaan internet, alatan gajet, rangkaian sosial yang meluas, kebergantungan sumber maklumat, penggunaan sumber hiburan, penggunaan *games online* dan kebergantungan komunikasi melalui media sosial (Filiyantiana, Zurinah & et al., 2020). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *DateReportal: Global Digital Insight 2023* pada rajah 2, terdapat beberapa faktor penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Antara faktor tertinggi adalah untuk sentiasa berhubung dengan rakan dan keluarga, mengisi masa lapang, membaca berita, dan mencari maklumat atau kandungan.

### Rajah 1.3 (1)

#### Statistik Faktor Penggunaan Media Sosial 2023



Sumber: *DateReportal: Global Digital Insight* (2023)



Namun begitu, sedar atau tidak perkembangan penggunaan media sosial ini sebenarnya turut mengundang ancaman jenayah dalam media sosial antaranya kes buli siber, intipan siber, penipuan siber (Scam), *Phishing* dan kecurian identiti (Zakiah & Singh, 2018). Perkara ini juga secara tidak langsung boleh menyebabkan berlakunya ancaman siber terhadap pengguna media sosial. Purnomo (2019) menyatakan bahawa ancaman boleh datang melalui teknologi kerana sekarang adalah era revolusi 4.0 dan ancaman inilah yang dihadapi oleh masyarakat.

Ancaman jenayah siber bukanlah sesuatu yang baharu dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Tambahan pula, Ancaman siber adalah satu jenayah yang semakin meningkat dan dikatakan mampu melepasi rekod jenayah penjualan dadah (Nurul Salwani et al., 2022). Penggunaan media sosial menunjukkan peningkatan ketara, keadaan ini menyebabkan penjenayah siber mengambil kesempatan untuk melakukan ancaman siber. Kajian Intan (2021) menunjukkan bahawa pada tahun 2018 merupakan antara tahun paling tinggi berlakunya jenayah siber iaitu sebanyak 1,562,829 kes berbanding tahun 2017 iaitu 1,224,159 kes.


Manakala melalui laporan SKMM seperti di Rajah 3 mencatatkan sejumlah 24,435 aduan daripada orang ramai mengenai isu yang melibatkan kandungan media baharu pada tahun 2021. Aduan-aduan ini adalah berhubung dengan penyalahgunaan media baharu termasuk media sosial. Berdasarkan laporan tersebut dapat diperhatikan bahawa aduan berkaitan media sosial merupakan aduan tertinggi yang diterima sejak tahun 2017 iaitu sebanyak 81% atau 19,863 aduan berkaitan dengan media sosial diikuti 15% (3,680) laman sesawang, blog dan forum serta 4% (892) adalah berkaitan e-mel.



Sebilangan besar kes yang dilaporkan adalah berkaitan kandungan palsu, komen yang menyinggung perasaan atau jelik, kandungan lucu, fitnah dan pemerasan seksual.

### Rajah 1.3 (2)

#### *Jenis Aduan Media Baharu*



Sumber: Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (2021)

Berdasarkan statistik ini, ia menunjukkan bahawa golongan wanita juga tidak terlepas daripada menerima ancaman media sosial terutamanya dalam kes berkaitan pemerasan seksual dan lucu. Mohd Azrin & Nurul Fatimah (2020) menyatakan bahawa remaja perempuan berumur 12 hingga 24 tahun yang mempunyai akaun sosial aktif seperti *Whatsapp*, *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Wechat*, *Bigo Live*, dan *Tiktok* mempunyai pengalaman gangguan seksual di media sosial. Selain itu, ancaman siber media sosial bukan sahaja berlaku dalam kalangan wanita remaja sahaja malah wanita profesional juga tidak terlepas daripada menjadi mangsa jenayah siber. Kebanyakan



golongan wanita profesional ini tertipu dengan jenayah *Love Scam* atau jenayah cinta siber yang menyebabkan kerugian ribuan ringgit.

Modus operandi yang sering digunakan penjenayah untuk memerangkap mangsa adalah melalui penipuan profil, janji manis palsu, penghantaran bungkusan dan menyamar sebagai wakil agensi percukaian (Khadijah, Mohammad Syahrul & Al-Azmi, 2018). Manakala menurut Ernita & et al. (2023) menyatakan bahawa statistik jenayah penipuan dalam talian di Malaysia kian meningkat saban hari dengan pembabitian pelbagai jenis modus operandi dan kes jenayah penipuan dalam talian dan mencatatkan kerugian melebihi RM1.5 juta dengan jumlah kes sebanyak 23,479 pada tahun 2022 (Januari sehingga September).

Oleh kerana kes aduan terhadap jenayah siber semakin meningkat, terdapat beberapa kaedah atau langkah daripada pihak kerajaan dan usulan daripada kajian-kajian lepas bagi mengatasi ancaman siber. Dalam kepesatan media baharu, kerajaan telah menjalankan beberapa sekatan yang perlu dipatuhi apabila menggunakan media sosial. Antara undang-undang yang berkaitan dengan media baharu ialah Akta Tandatangani Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hakcipta (Pindaan) 1997, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Fitnah 1957 dan yang terkini Akta Antiberita Tidak Benar 2018 (Ruzian, Zinatul & Nurhidayah, 2019). Selain itu, kerajaan juga melaksanakan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKDN) pada tahun 2016 dan diperbaharui menjadi Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKDA) pada tahun 2019 dengan mempunyai 6 teras dan 21 strategi bagi menjaga keselamatan negara termasuk jenayah siber. Sebagai contoh, di bawah teras keempat dasar tersebut iaitu Menjamin





Keselamatan dan Ketenteraman Awam, strategi yang pertama adalah untuk menangani jenayah, ekstremisme, terorisme aktiviti espional dan jenayah siber.

Antara kaedah yang boleh diambil oleh individu adalah didikan kepada anak-anak serta mendengar dan mengurangkan tingkah laku berisiko. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak untuk tidak mudah percaya dengan orang yang tidak dikenali lebih-lebih lagi individu yang dikenali hanya secara atas talian (Nurul Salwani et al., 2022). Antara lain, kaedah yang terbaik dalam menangani jenayah siber adalah individu harus sentiasa mengurangkan tingkah laku yang berisiko. Sebagai contoh, tingkah laku seperti berkongsi maklumat peribadi di rangkaian sosial, melakukan panggilan menggunakan audio dan visual dan tingkah laku berisiko yang sering dilakukan ialah membaca maklumat peribadi tersebut dengan kuat secara langsung atau tidak langsung (Nurul Salwani et al., 2022). Namun begitu, meskipun mereka mampu untuk mengawal tetapan privasi mereka dalam laman sosial, maklumat yang dikongsikan masih boleh didapati oleh jaringan rakan-rakan yang besar di alam maya.

Aktiviti pendedahan maklumat oleh golongan belia sebenarnya telah mejadi hobi dan minat untuk menjalinkan hubungan secara dalam talian dengan lebih baik lagi. Kebanyakan maklumat yang biasa dipamer dan dikongsi adalah berkaitan maklumat peribadi dan majikan. Ini menunjukkan, golongan belia atau pengguna media sosial tidak mengendahkan kepentingan keselamatan dan privasi ketika berkongsi maklumat sensitif (Zakiah & Dalbir 2018). Nurul Madiha & Mohd Azul (2015) menyatakan bahawa pengguna laman sosial yang terdiri daripada kalangan remaja cenderung untuk berkongsi pelbagai maklumat peribadi mereka di alam maya. Namun begitu,





penggunaan media sosial tanpa kawalan privasi dan keselamatan boleh menyebabkan pengguna menjadi mangsa ancaman siber.

Kebanyakan remaja yang menggunakan laman sosial ini kurang arif mengenai capaian oleh pihak ketiga terhadap maklumat peribadi mereka di alam maya (Nurul Madiha & Mohd Azul, 2015). Adnan & Siti Zobidah (2019) menyatakan bahawa masih ramai pengguna media sosial tidak mengetahui kewujudan undang-undang siber kerana mereka merasakan undang-undang tersebut tidak penting, kurang peka dan mengamalkan sifat sambil lewa. Perkara ini juga boleh menyebabkan mereka terdedah kepada jenayah siber sekiranya mereka tidak tahu pihak yang perlu mereka rujuk apabila jenayah ini berlaku. Oleh hal yang demikian, perkembangan teknologi menyebabkan munculnya pelbagai aplikasi media sosial baharu dan terkini. Melalui perkembangan tersebut, ia juga menyebabkan tahap penggunaannya semakin meningkat setiap tahun berdasarkan ciri-ciri aplikasi terkini dan tuntutan kehendak pengguna.

Walaupun terdapat beberapa kaedah dan langkah yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan usulan kajian-kajian lepas bagi menangani ancaman jenayah siber, namun penggunaan media sosial tanpa kesedaran keselamatan juga boleh mengancam keselamatan peribadi kepada pengguna sekiranya mereka tidak peka terhadap penjagaan data peribadi atau media sosial milik mereka. Sikap pengguna media sosial yang mudah percaya kepada individu yang tidak dikenali boleh membuka peluang kepada jenayah lain seperti kes rogol, rompakan dan penipuan (Zakiah & Dalbir, 2018).





Berdasarkan kepada masalah yang telah dijelaskan, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk ancaman siber yang pernah di alami oleh Mahasiswa Universiti Awam apabila menggunakan media sosial. Hal ini kerana statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 2020 menunjukkan bahawa kelompok terbesar pengguna media sosial adalah dalam kalangan remaja dan belia yang berumur antara 15-35 tahun iaitu sebanyak 76.4% daripada jumlah keseluruhan masyarakat di Malaysia.

#### 1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi Mahasiswa Universiti Awam untuk menggunakan media sosial?
- ii. Apakah bentuk-bentuk ancaman jenayah siber yang dialami oleh Mahasiswa Universiti Awam melalui penggunaan media sosial?
- iii. Bagaimanakah langkah yang boleh diambil oleh Mahasiswa Universiti Awam untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa ancaman siber melalui penggunaan media sosial?





## 1.5 Objektif Kajian

- i. Menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi Mahasiswa Universiti Awam untuk menggunakan media sosial
- ii. Mengenalpasti bentuk-bentuk ancaman jenayah siber yang dialami oleh Mahasiswa Universiti Awam melalui penggunaan media sosial.
- iii. Membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Mahasiswa Universiti Awam untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa ancaman siber melalui penggunaan media sosial.

## 1.6 Kepentingan Kajian



Kajian ini mempunyai kepentingan kepada mahasiswa universiti awam di Malaysia. Selaras dengan skop kajian yang bersandarkan kepada mahasiswa universiti awam ianya dapat memberi gambaran kepada mereka tentang ancaman yang boleh terjadi melalui penggunaan media sosial. Tambahan pula, mereka adalah golongan yang lebih banyak menggunakan media sosial untuk mencari maklumat dan berinteraksi secara maya. Mahasiswa juga antara golongan yang berisiko untuk menerima ancaman media sosial terutamanya ancaman keselamatan peribadi seperti *scam*, intipan siber dan kecurian identiti. Demikian itu, dengan adanya kajian ini mereka akan lebih berwaspada terhadap ancaman-ancaman siber atau media sosial yang boleh berlaku.





Kajian ini juga memberi manfaat kepada masyarakat di Malaysia iaitu dapat memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya mengutamakan keselamatan peribadi dalam penggunaan media sosial. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat tidak mengambil peduli tentang keselamatan mereka apabila menggunakan media sosial. Melalui kajian ini, masyarakat akan sedar berkenaan bentuk-bentuk ancaman yang boleh berlaku kepada mereka ketika menggunakan media sosial. Sebagai masyarakat yang hidup didalam perkembangan arus teknologi moden, mereka perlu cakna terhadap ancaman media sosial yang berkemungkinan boleh dihadapi oleh mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat memberi sedikit sebanyak info atau maklumat kepada masyarakat supaya lebih berhati-hati dalam menggunakan media sosial.

Selain itu, kajian yang dijalankan dapat memberi kepentingan kepada penyelidik lain untuk dijadikan rujukan. Maklumat yang terdapat didalam kajian ini boleh membantu penyelidik lain untuk mengukuhkan kajian mereka terutama dalam bidang keselamatan siber atau keselamatan peribadi serta dapat memenuhi jurang dan kelompangan penyelidikan yang terdapat didalam kajian-kajian lain.

Manakala kepentingan kajian ini terhadap agensi kerajaan pula adalah untuk menambahkan lagi maklumat tentang jenayah atau ancaman siber terhadap data yang diperoleh. Kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Selain itu, berdasarkan kajian ini juga agensi-agensi tersebut akan lebih cakna berkenaan isu ancaman siber dalam kalangan mahasiswa dengan melakukan tindakan seperti menjalankan kempen kesedaran perlindungan data keselamatan peribadi atau seminar pencegahan penipuan siber dan meningkatkan penguatkuasaan





undang-undang penggunaan media sosial. Kajian ini penting bagi memberi maklumat kepada pihak kerajaan dalam membanteras dan membantu mengurangkan ancaman dan jenayah media sosial.

## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini memfokuskan kepada media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp*, *Instagram*, *Telegram* dan *Tik Tok*. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *DateReportal: Digital Malaysia 2023*, media sosial tersebut merupakan lima platform yang mempunyai penggunaan tertinggi dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya golongan muda yang berumur 16-35 tahun. Penggunaan platform media sosial tersebut secara tidak langsung boleh mengundang berlakunya kes jenayah siber dan menyebabkan pengkaji mengambil perhatian terhadap platform-platform tersebut.

Seterusnya, kajian ini juga tertumpu kepada mahasiswa-mahasiswa universiti awam yang terpilih. Kajian ini telah memilih lima buah universiti awam sebagai sampel kajian iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara, Shah Alam (UiTM Shah Alam). Mahasiswa daripada universiti-universiti tersebut dipilih untuk dijadikan informan dalam proses pengumpulan data dan maklumat bagi kajian penyelidikan ini. Universiti-universiti awam ini dipilih kerana kedudukannya terletak di kawasan bandar Kuala Lumpur dan Selangor yang mempunyai kemudahan rangkaian internet serta persekitaran yang dilengkapi dengan pelbagai kemajuan teknologi maklumat, pengangkutan moden dan





sumber maklumat terkini seperti berdekatan dengan pusat pentadbiran negara, gaya hidup moden, lokasi penumpuan maklumat dan penyelidikan universiti awam dan swasta.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) 2021 seperti di rajah 1.7, Selangor dan Kuala Lumpur merupakan antara 5 negeri yang mempunyai akses atau capaian internet tertinggi iaitu Selangor (98.4%) dan Kuala Lumpur (99.8%). Tambahan pula, lokasi seperti Cyberjaya, Putrajaya dan Kuala Lumpur menjadi lokasi pertama di negara ini yang mempunyai akses internet bertaraf 5G pada tahun 2021. Ia berlaku hasil daripada usaha pihak SKMM melaksanakan projek JENDELA iaitu membina infrastruktur digital dan merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar. Hasil daripada usaha tersebut, pada Fasa 1 (2020-2022) pelaksanaan JENDELA menjadikan kawasan-kawasan tersebut mempunyai akses internet yang lebih baik dan menyeluruh. Oleh hal yang demikian, sudah pasti kebanyakan mahasiswa yang berada di institusi pengajian tinggi di kawasan tersebut mempunyai akses dan jaringan maklumat yang menyeluruh bagi mengendalikan atau menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian.



## Rajah 1.7

Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Isi Rumah dan Individu 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2022)

## 1.8 Batasan Kajian

Dengan mengetahui batasan kajian, penyelidik lebih sedar tentang kesan, realiti dan sumbangan kajian. Kajian ini membataskan kepada beberapa perkara tertentu. Terdapat beberapa perkara yang membatasi pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Batasan pertama adalah kurangnya maklumat tentang jenayah yang berkaitan dengan media sosial. Kajian yang diperoleh kebanyakannya berkaitan jenayah siber seperti “love scam”, buli siber dan penipuan parcel. Oleh hal demikian, agak sukar untuk mendapatkan maklumat berkaitan jenayah siber yang lain terutamanya untuk bincangkan di dalam sorotan kajian lepas.



Seterusnya, kekangan lain yang dihadapi dalam menjalankan kajian ini adalah berkaitan kekangan masa daripada pihak informan mahasiswa untuk memberi komitmen terhadap sesi temu bual. Pengkaji telah menunggu masa yang agak lama untuk mendapat respon daripada mahasiswa untuk memberi kata putus tentang penyertaan mereka sebagai informan di dalam kajian ini. Hal ini telah menyebabkan keperluan kepada penukaran informan kumpulan mahasiswa yang lain di universiti yang sama untuk dijadikan informan kajian ini.

Selain itu, faktor jarak, kekangan masa dan jadual yang padat oleh pihak informan, mereka telah meminta untuk menjalankan temu bual secara atas talian sahaja. Oleh itu, temu bual tidak dapat dijalankan secara bersemuka sebaliknya dijalankan secara atas talian dengan menggunakan platform “*Google Meet*”. Temu bual secara atas talian dijalankan melalui perbincangan dan budi bicara diantara pengkaji dan informan berdasarkan faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan.

Batasan yang terakhir adalah agensi kerajaan iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) tidak memberikan sebarang respon berkaitan kajian dan pengkaji telah menghubungi agensi tersebut melalui panggilan telefon dan e-mel, namun tiada sebarang respon yang diterima. Hal ini menyebabkan pengkaji perlu berurusan berkali-kali dengan pihak SKMM bagi mendapatkan maklum balas secepat mungkin sehingga menyebabkan pembaziran waktu. Berikutan daripada perkara tersebut, kajian ini tidak dapat menjadikan pihak SKMM sebahagian daripada informan elit kajian ini.





## 1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional adalah objek yang dikaji berdasarkan *standard* tertentu sebagai sebahagian proses operasionalisasi (Fauziah et al., 2021). Definisi operasional digunakan untuk menyamakan kemungkinan pelbagai pemahaman tentang istilah-istilah yang digunakan di dalam sesebuah kajian.

### 1.9.1 Ancaman

Menurut Purnomo (2019), ancaman boleh datang melalui undang-undang dan perkembangan teknologi masakini yang perlu dihadapi oleh masyarakat global.

Kemunculan teknologi digital baharu dengan pelbagai aplikasi media sosial di era globalisasi ini telah membawa perubahan radikal terhadap pengawalan maklumat dan sumber serta telah wujudnya pelbagai cabaran baru melalui penggunaan media sosial (Intan, 2021). Sebagai contoh, ancaman *Phishing* adalah bertujuan untuk menipu pengguna yang kerap berlaku menerusi e-mel untuk mencuri maklumat peribadi seseorang. E-mel *Phishing* biasanya muncul seperti ianya daripada organisasi yang sangat dikenali dan meminta maklumat peribadi seperti nombor kad kredit, nombor akaun atau nama-nama log masuk dan kata laluan. Dalam kajian ini, ancaman lebih tertumpu kepada ancaman siber terhadap mahasiswa universiti awam melalui penggunaan media sosial. Statistik SKMM telah menunjukkan bahawa pengguna media sosial paling ramai adalah dalam kalangan masyarakat yang berumur antara 15-35 tahun. Oleh hal yang demikian, mahasiswa tergolong di dalam kelompok tersebut dan tidak terkecuali daripada ancaman siber.





## 1.9.2 Keselamatan Peribadi

Keselamatan peribadi menurut Laporan Pembangunan Manusia UNDP 1994 adalah menyelamatkan manusia daripada ancaman kronik seperti kelaparan, penyakit dan penindasan serta perlindungan daripada gangguan yang berbahaya dalam corak kehidupan seharian sama ada di rumah, tempat kerja atau antara komuniti. Tambahan pula, keselamatan peribadi bertujuan untuk melindungi perkara penting dalam kehidupan manusia dengan cara meningkatkan hak kebebasan manusia Suruhanjaya Keselamatan Manusia (CHS, 2003).

Keselamatan peribadi adalah lanjutan daripada konsep keselamatan manusia berdasarkan bidang keselamatan asas Barry Buzan iaitu tentera, politik, ekonomi, ekologi dan sosial. Keselamatan peribadi bertujuan untuk melindungi manusia daripada keganasan fizikal di sekitar mereka atau entiti luar (Janusz Gierszewski, 2017). Tambahan pula, bagi sebahagian masyarakat, ketakutan terbesar mereka adalah menjadi mangsa jenayah. Di Malaysia, keselamatan peribadi pengguna media sosial adalah dilindungi melalui Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709). Akta ini bertujuan mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan ianya terpakai kepada organisasi yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial seperti bank, telco, insurans, hospital dan penjualan dalam talian (Akta Perlindungan Data Peribadi 2010). Akta ini adalah jaminan kepada keselamatan peribadi bagi pengguna dan masyarakat dalam negara serta mengelakkan penyalahgunaan data peribadi dan memposisikan Malaysia sebagai sebuah negara di dunia yang menguatkuasakan perundangan perlindungan data peribadi yang kukuh. Keselamatan peribadi di dalam kajian ini merujuk kepada gangguan atau ancaman





jenayah yang boleh berlaku terhadap pengguna media sosial terutamanya dalam kalangan mahasiswa universiti awam di Malaysia.

Media sosial seperti *Facebook, Instagram, Twitter, Whatsapp, TikTok, Youtube* dan sebagainya sering digunakan oleh mahasiswa universiti awam di Malaysia sama ada untuk tujuan peribadi atau untuk mencari dan membaca maklumat yang terdapat di dalam media sosial tersebut. Bagi pengguna yang tidak peka terhadap perkongsian maklumat atau keselamatan akaun peribadi, mereka ini boleh terdedah kepada ancaman jenayah seperti penipuan “scammer”, pencerobohan data peribadi dan penggodaman akaun peribadi.



### 1.9.3 Media Sosial

Media sosial adalah saluran media komunikasi yang digunakan secara dalam talian dengan membolehkan para pengguna mudah untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi kandungan seperti blog, rangkaian sosial, forum dan dunia virtual. Munculnya realiti virtual, komunikasi virtual dan identiti virtual merupakan fenomena yang sering muncul seiring dengan kewujudan “new media” (Errika Dwi, 2011). Media sosial seperti *Facebook, Instagram, Twitter, Whatsapp, TikTok* merupakan medium yang digunakan untuk berkomunikasi sesama masyarakat, bersosial dan berkongsi maklumat. Aplikasi media sosial ini juga boleh memberikan lebih banyak peluang untuk pendedahan, kesan keakraban interpersonal dan kesejahteraan psikologi (Mohd Faizal et al., 2022).





Menurut kajian Filyntiana & et al. (2020) menyatakan bahawa terdapat 5 kategori media sosial iaitu i) laman jaringan sosial seperti *Facebook*, ii) kandungan komuniti seperti *Youtube*, *Blogs* dan *Microblog* seperti *Twitter*, iii) projek usahasama seperti *Wikipedia*, iv) permainan dunia maya seperti *World of Warcraft* bagi pengguna yang menyukai permainan dunia maya dan menjadi ketagih dalam menggunakannya dan v) sosial dunia Maya seperti *Second Life*. Aplikasi yang tersedia ini mempunyai pelbagai fungsi dan memenuhi kehendak pengguna dalam kehidupan seharian.

Menurut Amy Mollet et al. (2017), media sosial merujuk kepada aktiviti, amalan dan tingkah laku dalam kalangan komuniti yang berkumpul dalam talian untuk berkongsi maklumat, pengetahuan dan pendapat menggunakan media perbualan. Media sosial yang mempunyai ciri-ciri laman sesawang dinamik dapat menyediakan satu ruang sebenar terhadap pengguna yang gemar berkongsi pelbagai maklumat peribadi serta aktiviti-aktiviti harian mereka kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat umum (Mohd Azul & Nurul Madiha, 2017). Sebagai contoh, dapat dilihat setiap pengguna telefon bimbit mempunyai aplikasi media sosial wajib seperti *Whatsapp* untuk berkomunikasi sesama ahli keluarga dan rakan-rakan sama ada yang jauh mahupun dekat. Hal ini kerana kecanggihan teknologi yang terdapat di dalam aplikasi tersebut membolehkan mereka berkomunikasi secara maya misalnya melalui panggilan video dan berkongsi maklumat pada ruangan *status*. Maka tidak hairan bahawa penggunaan media sosial seperti ini dilihat semakin menyeluruh.

Menurut Amy Mollet et al. (2017), media sosial dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kandungan, jaringan sosial dan alat untuk berkolaborasi. Berdasarkan kemudahan yang disediakan dalam aplikasi media sosial ini, ianya akan





dikembangkan oleh pengguna berdasarkan daya usaha, idea, refleksi dan pandangan melalui akaun masing-masing. Ia termasuk di dalam penulisan blog, infografik, visualisasi data, imej dan video untuk menarik minat masyarakat terhadap kandungan yang dilakukan. Jaringan sosial adalah platform yang akan membantu pengguna untuk menyampaikan kandungan yang dicipta kepada khalayak ramai manakala alat untuk berkolaborasi seperti *Whatsapp*, *Twitter*, *Snapchat* dan *Facebook* digunakan sebagai rangkaian sosial untuk menyiarkan kandungan yang dicipta.

Penggunaan media sosial merujuk kepada kekerapan atau tujuan media sosial ini digunakan. Penggunaan ini berbentuk interaktif yang meliputi perhubungan luar dalam komunikasi sosial dan membolehkan penciptaan dan pertukaran kandungan yang dijana oleh pengguna. Tahap penggunaan media sosial di Malaysia terutamanya dalam golongan muda menunjukkan peningkatan selaras dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat. Kehidupan mereka juga tidak dapat dipisahkan dengan hiburan menyebabkan mereka lebih minat berinteraksi dengan dunia maya dan banyak menghabiskan masa sepanjang hari dengan media sosial untuk berbual-bual, berhibur, mencari maklumat semasa, bersosial dan lain-lain (Muhammad Faisal et al., 2021).

Kajian ini telah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *TikTok* dan lain-lain oleh golongan muda iaitu mahasiswa universiti awam di Malaysia. Statistik yang dikeluarkan oleh SKMM pada tahun 2020 telah membuktikan bahawa pengguna media sosial yang tertinggi adalah dalam kalangan belia berumur 15-35 tahun. Sebagai contoh, pengguna *Facebook* di Malaysia mencecah 13 juta dan lingkungan umur yang paling banyak menggunakannya adalah diantara umur 18 hingga 24 tahun iaitu sebanyak 4.5 juta





orang. Di samping itu, menurut Muhammad Faisal et al. (2021) golongan belia dan mahasiswa menghabiskan masa sekurang-kurangnya enam jam sehari menggunakan media sosial.

#### 1.9.4 Mahasiswa Universiti

Mahasiswa adalah golongan belia yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi sama ada awam atau swasta. Mahasiswa adalah masyarakat berdaftar dan belajar pada tahap pengajian yang tinggi (Paryati, 2004). Menurut Takwin (2008), mahasiswa adalah orang yang belajar di pusat pengajian tinggi sama ada universiti, Institusi atau Akademi. Mereka yang telah terdaftar dikenali sebagai mahasiswa. Mahasiswa adalah seseorang yang sedang dalam proses menimba ilmu ataupun belajar, berdaftar dengan sesebuah institusi dan sedang menjalani pendidikan di salah satu bentuk institusi tinggi seperti politeknik, institut dan universiti (Marlonn, 2019). Mahasiswa di dalam kajian ini adalah melibatkan mahasiswa dari beberapa Universiti Awam yang dijadikan informan bagi menjawab persoalan kajian yang dirangka. Kajian ini memfokuskan kepada mahasiswa di lima buah universiti awam bagi mengumpulkan maklumat berkaitan ancaman keselamatan peribadi terhadap penggunaan media sosial oleh mahasiswa.





### 1.9.5 Jenayah Siber

Jenayah siber secara umumnya merujuk kepada suatu perbuatan yang dilakukan secara sengaja atau tidak oleh individu atau kumpulan yang mewakili mana-mana operasi bagi mendapatkan maklumat secara tidak sah ataupun merosakkan peranti komputer, telefon pintar dan peralatan lain yang berkait dengan perkakasan, perisian dan rangkaian internet (Nur Sarida & Ahmad Rizal, 2022). Antara jenis-jenis jenayah siber yang sering berlaku adalah penipuan siber seperti penipuan jual beli barangan secara dalam talian, skim cepat kaya, penggodaman data peribadi, pengintipan siber, buli siber, penyebaran maklumat palsu dan cinta siber. Jenayah siber boleh mengancam keselamatan peribadi bagi setiap pengguna media sosial jika mereka tidak berwaspada dengan sebarang bentuk jenayah yang boleh berlaku. Dalam kajian ini telah mengenalpasti bentuk-bentuk ancaman atau jenayah siber yang pernah dialami oleh mahasiswa universiti awam apabila menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian mereka.

Demikian itu, istilah-istilah yang akan digunakan dalam kajian ini telah dijelaskan secara terperinci. Istilah-istilah ini dapat memberikan gambaran dan rujukan tentang perkara-perkara yang berkaitan serta merupakan terma penting dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, pendefinisian operasional kajian ini dapat membantu penyelidik agar tidak tersasar daripada fokus kajian.





## 1.10 Organisasi Bab

Bab 1 membincangkan berkenaan pengenalan kepada media sosial secara umum dan secara terperinci berdasarkan perkembangan serta penggunaannya. Seterusnya, bab ini telah menerangkan berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional, skop kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan organisasi bab telah dijelaskan secara terperinci.

Bab 2 adalah kajian literatur. Kajian ini telah membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bahagian ini dibahagikan kepada beberapa tema bagi membincangkan kajian lepas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kajian lepas adalah sumber tersedia bagi mengetahui kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain dan ianya dapat mengisi kelompangan dengan kajian yang dijalankan ini.

Bab 3 adalah perbincangan metodologi kajian iaitu kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan temu bual *Focus Group Discussion* (FGD) dan temu bual elit. Kajian ini menggunakan mahasiswa-mahasiswa universiti awam yang terpilih sebagai sampel kajian bagi mengambil maklumat mereka melalui kaedah temu bual kumpulan fokus. Kaedah temu bual juga digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada pihak yang berkaitan dan pandangan pakar iaitu ahli akademik dan PDRM. Metodologi kajian ini adalah merangkumi reka bentuk kajian, instrumen kajian, persampelan dalam kajian, prosedur pengumpulan data dan kaedah menganalisis data. Dalam bab ini turut menerangkan





kaedah yang diaplikasikan semasa proses pengumpulan data dan menganalisis data yang diperolehi.

Bab 4 adalah hasil dapatan kajian iaitu menganalisis objektif pertama. Bab ini telah menjawab objektif pertama iaitu membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian. Objektif pertama telah membincangkan faktor penyebab penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa. Dapatan diperolehi melalui sesi temu bual bersama kumpulan fokus yang dijalankan terhadap mahasiswa-mahasiswa di lima buah universiti awam terpilih. Hasil dapatan kajian temubual kumpulan fokus daripada mahasiswa ini telah ditranskripsi dan dimasukkan ke dalam bab empat.

Bab 5 membincangkan objektif kedua dan ketiga. Objektif kedua ialah mengenalpasti bentuk-bentuk ancaman jenayah siber yang dialami oleh mahasiswa melalui penggunaan media sosial. Objektif kedua ini telah menjelaskan pengalaman mahasiswa menerima ancaman jenayah siber melalui media sosial daripada penjenayah siber. Manakala objektif ketiga iaitu menganalisis langkah-langkah yang boleh diambil oleh mahasiswa untuk mengelakkan diri daripada terlibat dengan ancaman jenayah siber melalui penggunaan media sosial. Sehubungan itu, cadangan bagi langkah-langkah yang boleh diambil oleh mahasiswa dan saranan daripada ahli akademik, pihak SKMM dan PDRM turut dibincangkan dalam bab ini.





Bab 6 adalah bahagian perbincangan kajian, implikasi kajian, cadangan dan kesimpulan. Bab ini merumus dan membincangkan jawapan kepada persoalan kajian yang telah ditetapkan. Bahagian ini telah mengenalpasti bentuk-bentuk ancaman keselamatan peribadi melalui penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa universiti awam. Hasil cadangan daripada informan kajian dan pengkaji sendiri telah diutarakan di dalam bab ini. Cadangan diberikan adalah berdasarkan masalah yang berlaku dan hasil dapatan kajian. Seterusnya, di dalam bab ini juga telah merumuskan keseluruhan dapatan kajian dan mencadangkan kajian lanjutan.

